



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

CyberSecurity
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

17 MEI 2021
UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN CYBERSECURITY MALAYSIA BERHUBUNG ISU ANCAMAN DAN SERANGAN SIBER

CYBERJAYA (17 MEI 2021) – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber dan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) mengesah orang ramai khususnya pentadbir sistem dan pengguna Internet di Malaysia agar sentiasa berwaspada dan berhati-hati dengan ancaman dan serangan siber yang berlaku pada masa ini.

Semua pengguna Internet diminta untuk terus mengamalkan tatacara serta kaedah penggunaan teknologi dan Internet termasuk laman media sosial secara positif, beretika dan bertanggungjawab. Ambil langkah-langkah wajar dan proaktif bagi mencegah daripada menjadi mangsa ancaman dan serangan siber.

“Terdapat beberapa insiden keselamatan siber yang berlaku semenjak awal tahun ini antaranya operasi serangan siber terhadap laman web kerajaan dan aset dalam talian yang disebut sebagai #OpsWakeUp21, kerentanan pelayan pertukaran Microsoft serta kebocoran data Facebook termasuklah ancaman dan serangan siber yang terkini.” kata Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab FASc, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Ujar beliau lagi, CyberSecurity Malaysia dari masa ke semasa mengeluarkan Peringatan & Nasihat (*Alert & Advisory*) melalui portal Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) di pautan <https://www.mycert.org.my/>. Pentadbir sistem dan pengguna Internet boleh melayari portal tersebut untuk mendapatkan informasi mengenai tatacara dan amalan terbaik bagi menangani serta benteng mencegah insiden keselamatan siber seterusnya meminimumkan kesan atau risiko tahap sesuatu ancaman dan serangan siber.

ETIKA
HARI KESELAMATAN INTERNET 2021 EDISI MALAYSIA

Safer Internet Day 2021
Together for a better internet

Best Brand
Marketing Category
2008 & 2009

ISMS
CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: ISMS 90114

EINet
CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: EINet 90114

STANDARDS
MAKANNA
ACB ISMS 02
Samm 456

MSC
Status Company
Jawatankuasa Pengurusan

WSIS PRIZES 2020
WINNER

THE
MALAYSIA
BOOK OF
RECORDS

CyberSecurity Malaysia
200601006881 (726630-U)

T +603 8800 7999
F +603 8008 7000
H 1 300 88 2999

Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

Antara tatacara dan amalan terbaik umum yang perlu diikuti untuk terus kekal selamat dan terhindar dari ancaman dan serangan siber adalah:

- i. Sistem rangkaian dan aplikasi serta peranti digital perlu dikelmas kini dan dilengkapi dengan perisian anti-virus yang terkini. Pastikan ianya aktif dan berfungsi dengan baik untuk mengimbas serta menghalang sebarang perisian hasad;
- ii. Lakukan *backup* secara berkala untuk semua maklumat penting bagi menghalang dari kehilangan data atau sistem serta membantu percepatkan proses pemulihan;
- iii. Perkuatkan kata laluan (*password*) serta kemas kini setiap 3 atau 6 bulan sekali. Jangan simpan kata laluan serta nama pengguna (*username*) dalam peranti digital anda;
- iv. Pastikan anda sentiasa log keluar dari laman yang telah digunakan seperti e-mel, media sosial (Facebook, Instagram dan sebagainya) dan bukan hanya sekadar menutup pelayar;
- v. Sentiasa berhati-hati apabila membuka pautan dan lampiran (imej dan video). Jangan sesekali klik pada pautan dan lampiran yang diterima melalui e-mel serta laman media sosial tanpa mengetahui identiti sebenar penghantar;
- vi. Putuskan pautan ke Wi-Fi di hotspot awam kerana penjenayah siber akan sentiasa mencuba untuk akses dan mencuri maklumat tanpa anda sedari;
- vii. Pastikan anda lakukan transaksi dalam talian (perbankan atau pembelian Internet) menggunakan rangkaian yang terjamin keselamatannya, disaran untuk menggunakan Wi-Fi peribadi (pelan data) untuk transaksi tersebut;
- viii. Tutup sambungan Bluetooth atau perkhidmatan lokasi apabila tidak digunakan bagi mengelakkan peranti digital anda dikesan dan diceroboh;
- ix. Jangan kongsi atau dedahkan maklumat peribadi anda di laman media sosial secara berlebihan;
- x. Jangan berkongsi maklumat palsu atau tidak sahih. Lakukan semakan terlebih dahulu sebelum ianya disebarluaskan.

Sebagai agensi pakar keselamatan siber, CyberSecurity Malaysia menyediakan bantuan serta perkhidmatan sokongan teknikal kepada semua pihak. Selain itu, pentadbir sistem dan pengguna Internet boleh membuat laporan insiden keselamatan siber ke Pusat Bantuan Cyber999 melalui saluran berikut:

- E-mel : cyber999@cybersecurity.my
- Telefon : 1-300-88-2999 (waktu pejabat)
- Faks : +603 - 8008 7000 (waktu pejabat)
- Mobile : +60 19 2665850 (24x7 panggilan laporan insiden sahaja)
- SMS : CYBER999 LAPOR ADUAN KE15888
- Aplikasi Cyber999 : Muat turun aplikasi di Appstore & Google Play
(Waktu Pejabat: Isnin – Jumaat 09:00 -18:00 MYT)

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-8800 7999

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 7237) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 7242)